

Fungsi muzium kena



» Perluas skop bentuk identiti jana ekonomi, bukan sekadar himpun barang purba

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Perbincangan mengenai muzium sepatutnya tidak lagi berkisar ketandusan pengunjung generasi muda, sebaliknya perlu melangkah dengan berani untuk beranjak daripada badan yang tidak mencari keuntungan kepada institusi yang menjana hasil.

Muzium sebagai badan yang tidak mencari keuntungan sudah lama berlalu kerana alaf baru menyaksikan keupayaan industri seni kreatif menjana perubahan pada pendapatan perkapita negara seperti sektor perfileman,

“ BH 25/9/14 MSe.

Muzium perlu menjadi agen pembentukan identiti sehingga orang sekarang patut tahu apa yang diketahui generasi dulu sehingga ia tidak sekadar tempat longgokan barang purba”

Dr Sivamurugan Pandian,

Pensyarah Sosiologi Politik,
Universiti Sains Malaysia



Pengarah JMM Wilayah Selatan, Mohd Azmi Mohd Yusof (tengah) bersama Dr Sivamurugan dan Dr Abu Hassan (kanan) pada Program Bicara 50 Tahun Muzium Negara & Seminar sempena Sambutan Jubli Emas di Auditorium Muzium Negara.



ngara seperti di sektor perniagaan, televisyen, animasi, buku, pelancongan dan kebudayaan.

Bagaimanapun, Seminar Bicara 50 Tahun Muzium Negara di Kuala Lumpur, baru-baru ini, masih berkisar pada luahan kurangnya muzium-dikunjungi generasi muda yang dikatakan hanya melawat muzium untuk menyiapkan tugas.

Saingan dana muzium swasta

Luahan itu dikemukakan Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Datuk Ibrahim Ismail, yang menganggap kewujudan muzium swasta cuba meraih peruntukan daripada kerajaan, sekali gus menyaingi

dana muzium negara.

Mujurlah Pensyarah Sosiologi Politik, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Sivamurugan Pandian dan Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Dr Abu Hassan Hasbullah tidak bercakap dalam nada yang sama.

Sebaliknya, dua panel meluahkan pertanyaan selama mana muzium mahu menjadi tempat yang menghimpunkan barang purba saja.

Dr Sivamurugan ketika membentangkan *Muzium Sebagai Agen Perubahan Sosial* tidak menolak peranan asasi muzium sebagai

pusat rujukan sejarah terulung, tetapi tidak boleh hanya melihat sejarah Malaysia 56 tahun mutakhir saja.

“Sejarah Malaysia terbina dengan jatuh bangunnya pelbagai empayar seperti Langkasuka, Melaka, Gangganegara dan kemudian berlanjutan dengan penentangan terhadap Malayan Union, penentangan Brunei dan keluarnya Singapura dari Malaysia.

“Sejarah membentuk siapa kita dan dengan latar sejarah seperti itu, kita mesti mahu apa yang ingin kita jadi dan membuat pilihan, sekali gus memerlukan muzium untuk

“
Negara juga hilang pendapatan kerana kecikiran dalam pembangunan muzium sedangkan ada sesetengah negara seperti Estonia di Eropah mampu menjana pendapatan lumayan menerusi pembangunan muzium dan galeri termasuk galeri peribadi”

Dr Abu Hassan Hasbullah,
Dekan Fakulti
Teknologi Kreatif dan
Warisan, Universiti
Malaysia Kelantan



Peserta bertanyakan soalan pada sesi soal jawab pada Program Bicara 50 Tahun Muzium Negara & Seminar sempena Sambutan Jubli Emas di Auditorium Muzium Negara.

berubah

BH 25/9/14 MS 7



[FOTO ROSDAN WAHID/BH]

bergerak daripada konsep berkenaan supaya dapat dipastikan apa yang dinikmati tidak akan luntur," katanya.

Agen bentuk identiti

Justeru, Dr Sivamurugan menegaskan berbekalkan pengetahuan terhadap peranan itu, muzium perlu mengambil keputusan apakah ia mahu kekal sebagai tempat menghimpunkan barangan purba atau menjadi pusat dialog sivil, selain maklumat dalam muzium sepatutnya bebas campur tangan daripada pihak berkepentingan.

"Muzium perlu menjadi agen pembentukan identiti sehingga orang sekarang patut tahu apa yang diketahui generasi dulu sehingga ia tidak sekadar tempat longgokan barang purba.

"Bagaimanapun, mampukah muzium mengalas tanggungjawab itu? Pameran di muzium untuk siapa? Apakah ia mampu menjadi tempat lawatan yang mencapai sasaran yang diletakkan? Apakah muzium masih dominan dalam masyarakat hari ini?" katanya.

Dr Sivamurugan berkata, dalam menjawab keluh-kesah muzium yang hanya dikunjungi untuk menyiapkan tugas, pihak yang bertanggungjawab perlu melihat apakah ia sudah memenuhi kehendak orang ramai.

"Muzium perlu menjawab persoalan apakah kita dapat mewujudkan keintiman antara masyarakat dan muzium atau

apakah muzium mampu menjadi tempat pertemuan seperti dulu.

"Begitu juga dengan muzium seperti Muzium Tekstil atau Muzium Budaya Ilmu yang patut memikirkan persoalan apakah ia mampu mendekati golongan sasaran selain berperanan sebagai agen perubahan dan mendekatkan muzium dengan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Prof Abu Hassan ketika membicarakan Muzium Adalah Tamadun Masa Depan berkata, kurun ke-21 sangat penting sebagai abad ekonomi kreatif, tetapi peranan dan kedudukannya seolah-olah tertinggal mungkin disebabkan ia diuruskan kerajaan.

"Dunia ilmu semakin berkembang tetapi tidak kepada muzium sehingga muzium hilang bentuknya, manakala bidang ilmu seperti arkeologi tidak dapat dikembangkan.

"Negara juga hilang pendapatan kerana kecaciran dalam pembangunan muzium sedangkan ada sesetengah negara seperti Estonia di Eropah mampu menjana pendapatan lumayan menerusi pembangunan muzium dan galeri termasuk galeri peribadi," katanya.

Beliau melontarkan pertanyaan apakah hasil yang masyarakat peroleh sejak Muzium Negara ditubuhkan pada 1963, sekali gus meminta muzium dilihat sebagai antara agen yang boleh membangunkan ekonomi negara.